



KERAJAAN MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN TABIKA PERPADUAN
BILANGAN 2 TAHUN 2006**

**LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN UNTUK KANAK-
KANAK TABIKA PERPADUAN**

JABATAN PERPADUAN NEGARA DAN INTEGRASI NASIONAL

MALAYSIA

**SURAT PEKELILING PENTADBIRAN TABIKA PERPADUAN
BILANGAN 2 TAHUN 2006**

**LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN UNTUK
KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN**

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini ialah untuk menjelaskan langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan kanak-kanak sepanjang masa di Tabika Perpaduan.

2. LATAR BELAKANG

Guru dan Penolong Guru Tabika adalah bertanggungjawab terhadap keselamatan kanak-kanak di Tabika Perpaduan. Peraturan-Peraturan dan langkah-langkah keselamatan perlu dipatuhi setiap masa di Tabika Perpaduan untuk mengelakkan sebarang kejadian yang tidak diingini yang boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana sahaja. Adalah diharap dengan keluarnya surat pekeling ini, Guru dan Penolong Guru mengutamakan pencegahan dan pengawalan sebarang kemalangan/kecederaan/kejadian yang tidak diingini berlaku di kalangan kanak-kanak Tabika Perpaduan.

3. PEMAKAIAN

Pekeling ini hendaklah diikuti dan dipatuhi sepenuhnya oleh semua Pegawai Jabatan, Guru dan Penolong Guru Tabika Perpaduan.

4. PEMBATALAN

Dengan kuatkuasanya surat pekeliling ini, surat pekeliling dan panduan berikut dibatalkan:

- (i) “Panduan Pengurusan Kualiti Tabika Perpaduan”; dan
- (ii) Pekeliling Pentadbiran Jabatan Perpaduan Negara Bil. 2 Tahun 2001 bertarikh 15 Januari 2001.

5. TARIKH KUATKUASA

Surat Pekeliling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh surat ini dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

(DATO' AZMAN @ AZMAN AMIN BIN HASSAN)

Ketua Pengarah

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional

Jabatan Perdana Menteri

8 Ogos 2006

Dikelilingkan kepada:

Semua Pengarah JPNIN Peringkat Negeri

Semua Pegawai Perpaduan Daerah / Bahagian / Pen. PPM / Pem. PP

Semua Guru dan Penolong Guru Tabika

LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN UNTUK KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN

1. TUJUAN

Memberi penjelasan mengenai langkah-langkah yang perlu diambil untuk memastikan keselamatan kanak-kanak sepanjang masa di Tabika Perpaduan.

2. LATAR BELAKANG

Peraturan-peraturan dan langkah-langkah keselamatan untuk kanak-kanak Tabika Perpaduan telah digariskan dalam Pekeliling Pentadbiran Tabika Perpaduan Bil. 2 Tahun 2001. Walau bagaimanapun, bagi memantapkan dan menambahbaik peraturan tersebut, pindaan yang terkini diharapkan dapat meningkatkan tahap keselamatan kanak-kanak.

3. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN UNTUK KANAK-KANAK TABIKA PERPADUAN

Tindakan berjaga-jaga Guru dan Penolong Guru adalah perlu untuk menyelamatkan kanak-kanak daripada suasana yang boleh berubah dan mungkin membawa kepada pembunuhan, penculikan, kemalangan jalan raya, peras ugut, rogol, serangan daripada orang gila, haiwan liar dan sebagainya. Langkah-langkah keselamatan yang perlu diambil oleh Guru dan Penolong Guru adalah seperti berikut:

- 3.1. Guru dan Penolong Guru hendaklah hadir di kelas setengah jam lebih awal untuk menyambut kedatangan kanak-kanak.

- 3.2. Sepanjang masa persekolahan, “grill” dan pintu pagar hendaklah ditutup dan dikunci. Kunci “grill” dan pintu pagar hendaklah diletakkan di tempat khas dan mudah kelihatan.
- 3.3. Hanya ibu/ bapa/ penjaga kanak-kanak sahaja dibenarkan untuk mengambil kanak-kanak di tabika. Sekiranya kanak-kanak menaiki bas atau apa-apa kenderaan lain, Guru dan Penolong Guru hendaklah memastikan kanak-kanak selamat menaiki kenderaan yang telah ditentukan.
- 3.4. Orang yang tidak dikenali dan mencurigakan adalah tidak dibenarkan berada di dalam kelas atau Kawasan Tabika Perpaduan sepanjang masa persekolahan.

4. LANGKAH-LANGKAH KESELAMATAN DALAM DAN LUAR KELAS

Bangunan dan peralatan yang tidak sempurna atau tidak diselenggarakan dengan betul boleh membawa kepada kemalangan dan kejadian-kejadian yang tidak diingini. Tindakan-tindakan pencegahan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- 4.1. Pastikan kawasan ruang kelas, sudut, koridor, tandas dan dapur dalam keadaan terang dipasang dengan lampu.
- 4.2. Jangan biarkan peralatan yang tajam di merata-rata tempat. Simpan selepas digunakan di tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.
- 4.3. Simpan ubat-ubatan (*First Aid Kit*) dan bahan-bahan berbahaya (penyembur serangga, ubat nyamuk, cat dan lain-lain) di tempat yang tidak boleh dilihat dan dicapai oleh kanak-kanak.

- 4.4. Sentiasa berwaspada dengan perabot atau alat permainan berbucu, mudah pecah (*fragile*) atau tapak yang tidak kukuh supaya tidak mudah terbalik atau pecah.
- 4.5. Pastikan tangga dipasang susur tangga (*railing*) yang rendah. Seelok-eloknya anak tangga hendaklah rendah dan dialas dengan bahan yang lembut.
- 4.6. Pastikan punca kuasa elektrik (*power supply*) berada di paras yang tinggi supaya tidak dicapai oleh kanak-kanak. Punca kuasa di paras yang rendah hendaklah ditutup.
- 4.7. Seboleh-bolehnya elakkan penggunaan lampu meja, lampu berkaki, kipas meja, kipas kotak dan kipas berkaki. Sekiranya terdapat keperluan penggunaan peralatan berkenaan, ianya perlu diawasi dengan teliti oleh Guru dan Penolong Guru.
- 4.8. Pastikan pokok-pokok dalam kawasan permainan/lapang terdiri daripada jenis yang tidak bahaya. Pokok-pokok jenis berduri, beracun dan miang hendaklah dielakkan manakala pokok-pokok besar hendaklah disenggara dengan baik dari masa ke semasa.
- 4.9. Pastikan lubang atau '*man hole*' di kawasan permainan/lapang sentiasa ditutup.
- 4.10. Elakkan :-
 - a. meracun rumput; dan
 - b. pemotongan rumput semasa sesi persekolahan untuk mengelakkan kecederaan yang mungkin berlaku akibat daripada mesin itu sendiri atau daripada benda yang terlontar apabila terkena pisau (*blade*) mesin tersebut.

- 4.11. Pagar hendaklah dibuat daripada bahan-bahan yang selamat dan disenggara dengan baik.
- 4.12. Bersihkan kawasan permainan/lapang dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) untuk mengelakkan semak samun dan tempat perlindungan binatang seperti ular dan sebagainya.
- 4.13. Awasi lalu lintas dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Penyelaras Tabika Perpaduan (JPTP) jika tabika berhampiran dengan jalan raya khususnya semasa kanak-kanak melintas sewaktu datang ke kelas dan balik ke rumah.

5. LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN KECEMASAN SEMASA KEBAKARAN

Guru dan Penolong Guru perlu mengambil langkah-langkah pencegahan dan pengawasan daripada perkara-perkara di luar jangkaan khususnya kebakaran. Tindakan-tindakan yang perlu diambil adalah seperti berikut:

- 5.1. Pastikan premis tabika mempunyai dua pintu berasingan iaitu satu di hadapan dan satu di belakang tanpa ada apa-apa halangan di laluan untuk tujuan semasa kecemasan.
- 5.2. Pastikan semua pintu dan tingkap premis tabika dibuka jika berlaku sebarang kecemasan.
- 5.3. Tutup semua alat elektrik dan tong gas sebaik sahaja selesai digunakan.
- 5.4. Letakkan peralatan elektrik dan sumber api seperti mancis dan pemetik api di tempat-tempat yang tidak boleh dicapai oleh kanak-kanak.

- 5.5. Jangan biarkan kanak-kanak berada berhampiran dengan tempat masak tanpa pengawasan.
- 5.6. Jangan biarkan ibu bapa/penjaga atau pelawat merokok di kelas kerana pembuangan puntung rokok boleh menyebabkan kebakaran. Tanda "**DILARANG MEROKOK**" perlu dipaparkan di dalam dan luar kelas.
- 5.7. Belajar cara penggunaan alat pemadam api yang dibekalkan bagi setiap Tabika.
- 5.8. Senggarakan alat pemadam api dengan kerjasama pihak Bomba tempatan supaya alat tersebut sentiasa dalam keadaan baik dan boleh digunakan pada masa kecemasan.
- 5.9. Letakkan wisel dan alat pemadam api di ruang dapur dan di tempat-tempat yang mudah dicapai oleh Guru dan Penolong Guru.
- 5.10. Buat "Pelan Tindakan Pergerakan Kecemasan" untuk menghadapi perkara-perkara di luar jangkaan di Tabika Perpaduan seperti contoh di **LAMPIRAN A**.
- 5.11. **Latihan Kawad Kecemasan** mengikut pelan tindakan **perlu dilaksanakan dua atau tiga kali di sepanjang sesi persekolahan** supaya kanak-kanak memahami laluan yang selamat untuk melepaskan diri semasa sebarang kecemasan.
- 5.12. Laporan Latihan Kawad Kecemasan seperti contoh di **LAMPIRAN B** hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada PPD / PPB / Pen.PPM / Pem. PP (Labuan/Perlis) pada setiap kali latihan diadakan.

LAMPIRAN A

PELAN Pengerakan Kecemasan di Tabika Perpaduan

| PERKARA-PERKARA DI LUAR JANGKAAN | JENIS TINDAKAN | TINDAKAN OLEH |
|--|---|---|
| (i) Kebakaran (ii) Banjir (iii) Ribut (iv) Gempa Bumi | <ol style="list-style-type: none"> 1. Bunyikan wisel sebagai isyarat kecemasan selama 30 saat untuk mendapat perhatian kesemua kanak-kanak di kelas. 2. Membawa keluar kanak-kanak dengan pantas melalui pintu yang dikenalpasti. 3. Membawa keluar rekod kedatangan kanak-kanak. 4. Tutup suis lampu dan soket serta keluarkan tong gas jika berkesempatan. 5. Kumpulkan kanak-kanak di tempat luar kelas yang dikenalpasti. 6. Memastikan kanak-kanak berbaris dalam satu atau dua barisan mengikut keadaan tempat dan tidak berkeliaran. 7. Memeriksa dengan teliti dan pastikan semua kanak-kanak yang hadir kelas pada hari berkenaan berada di luar kelas sama dengan rekod kedatangan kanak-kanak pada hari berkenaan. 8. Memeriksa ruang-ruang di kelas seperti tandas dan stor untuk memastikan kanak-kanak tidak tertinggal. 9. Ambil tindakan untuk mengatasi keadaan kecemasan. i.e. Telefon bomba jika melihat kebakaran. 10. Membantu pihak bomba atau pihak-pihak lain yang cuba mengatasi keadaan kecemasan seperti membuka pintu pagar alihkan kereta atau lain-lain yang mungkin mengganggu pihak-pihak berkenaan menjalankan tugas. | Guru/Penolong Guru yang melihat kebakaran atau sebarang kecemasan -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- -sda- |

Contoh

LAMPIRAN B

LAPORAN LATIHAN KAWAD KECEMASAN

1. Nama _____ Alamat _____ Tabika _____ :

2. Tarikh : _____ 3. Hari : _____

4. Masa : _____

5. Laporan :

Wisel telah dibunyikan pada jam 11.05 pagi. Kanak-kanak telah beratur dan keluar dengan pantas dari kelas dan berbaris di padang permainan berhampiran. Guru telah mengambil buku rekod kedatangan kanak-kanak dan menandakan kehadiran di tapak perhimpunan untuk memastikan semua kanak-kanak sudah keluar dari kelas sementara Penolong Guru memeriksa ruang-ruang kelas, tandas dan stor untuk memastikan kanak-kanak tidak tertinggal di dalam kelas. Keseluruhan proses ini mengambil masa selama 5 minit.

Guru telah menasihatkan kanak-kanak supaya berwaspada semasa keluar dari kelas agar tidak terjatuh dan berlanggar sesama mereka. Guru juga melarang kanak-kanak membawa beg sekolah semasa keluar.

Penolong Guru telah bekerjasama supaya kanak-kanak keluar dari bangunan dengan pantas dan tutup suis lampu dan soket serta keluarkan tong gas dari bangunan.

Sekian, terima kasih.

Disediakan Oleh :

(GURU/ PENOLONG GURU)